

SEPTEMBER  
2023

Rasmi  
Keselamatan

**PKNP**

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

# PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | [www.pknp.gov.my](http://www.pknp.gov.my)

## SEMBAH TAHNIAH TUANKU

Merafak sembah dan setinggi - tinggi tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al - Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al - Mustafa Billah Shah sempena Memuliakan Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang ke - 28 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 17 September 2023 bersamaan 1 Rabi-ulawal 1445H.

Pacal - pacal sekalian mendoakan moga - moga Allah S.W.T mengurnikan kesihatan yang afiat, dilanjutkan usia dan sentiasa dalam rahmat pemeliharaan - Nya.

Sembah Takzim daripada Pengerusi, Ahli Perbadanan, Pengurusan dan Seluruh Anggota Pekerja Kumpulan PKNP.



## KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF RASMI MAJLIS PENUTUP KEM KEPIMPINAN KHALIFAH MUDA 2023



Kehadiran Ketua Pegawai Ekesekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar (dua dari kiri) telah disambut meriah

Jengka, 11 September 2023 - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah merasmikan Majlis Penutup Kem Kepimpinan Khalilah Muda 2023 yang telah diadakan selama empat (4) hari bermula dari 8 September hingga 11 September 2023.

Kem Kepimpinan Khalilah Muda ini merupakan program di bawah Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) PKNP AgroTech Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat milik 100% PKNP. Program yang melibatkan penyertaan pelajar - pelajar sekolah rendah Tahun 6 dari sekolah - sekolah di

sekitar Daerah Jerantut ini turut merupakan jalinan usahasama dengan pihak UiTM Cawangan Pahang - Kampus Jengka.

Dalam ucapan perasmian penutup, Ketua Pegawai Eksekutif telah memberikan sedikit motivasi dan nasihat kepada para pelajar terutamanya agar tidak meninggalkan kewajipan sebagai seorang islam serta sentiasa menghormati kedua ibu bapa dalam usaha untuk meraih kecemerlangan di dunia dan di akhirat.

Turut hadir di pihak PKNP adalah Pengurus Bahagian Komuniti dan Usahawan PKNP, Encik Nasry bin Kassim serta Pegawai Perhubungan Awam PKNP, Puan Dhaleazafarina Md. Zabani.



Majlis Penutup Kem Kepimpinan Khalilah Muda 2023 di UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka

## PKNP SERAH SUMBANGAN KEPADA ASNAF DAN ANAK YATIM DI PADANG TENKU, LIPIS



PKNP di bawah pentadbiran YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar aktif dalam program - program CSR di sekitar Negeri Pahang.

Lipis, 18 September - Delegasi PKNP yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah menyantuni penduduk kampung di DUN Padang Tengku, Lipis dengan menyerahkan sumbangan kepada golongan asnaf dan anak yatim di kawasan ini.

Dalam sesi tersebut, YH. Ketua Pegawai Eksekutif telah mengiringi YB. Dun Padang Tengku, Dato' Mustafa bin Haji Long yang turut hadir bagi menyampaikan sumbangan kepada mereka yang terlibat.

Dalam ucapan yang telah disampaikan oleh YB. ADUN Padang Tengku, beliau merakamkan setinggi - tinggi penghargaan kepada pihak PKNP yang diterajui oleh YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar yang prihatin terhadap masyarakat di Negeri Pahang dan berharap agar usaha murni PKNP ini diteruskan dari semasa ke semasa.



Penyerahan sumbangan oleh YB. Dato Mustafa bin Haji Long kepada golongan asnaf di Padang Tengku, Lipis

## PENYERAHAN MASJID KG. GAJAH MATI DI JERANTUT

Jerantut, 21 September - Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Razif bin Abdul Malek telah menyempurnakan majlis penyerahan Masjid Kg. Gajah Mati, Jerantut baru - baru ini.

Beliau yang juga wakil rasmi kepada Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar berkata, PKNP sebagai salah sebuah agensi yang menggerakkan ekonomi Negeri Pahang terutama di kawasan luar bandar bagi kesejahteraan rakyat di negeri ini.

Tambah beliau, projek yang berjumlah RM 1.8 juta ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada penduduk setempat.

Projek pembinaan masjid ini telah bermula pada 9 Februari 2022 dan disiapkan pada 12 September 2023, lebih awal dari tarikh jangkaan siap sebenar pada 10 Oktober 2023.



Upacara penyerahan ringkas Masjid Kg. Gajah Mati oleh JKR Pahang kepada PKNP

Peranan PKNP dalam projek ini adalah sebagai agensi pembayar yang dilantik oleh Jabatan Perdana Menteri bagi memastikan projek ini siap dibina. Bagi melaksanakan projek ini, PKNP telah melantik Jabatan Kerja Raya sebagai agensi pelaksana.

Hadir bersama pada program ini adalah Pengarah JKR Pahang, YB. Dato' Ir TS. Hafizah binti Zakaria dan wakil dari Jabatan Agama Islam Negeri Pahang.

Turut hadir adalah Pengurus Hal Ehwal Korporat, Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim, Pengurus Teknik, Tuan Haji Mohd Hasrizal bin Hasim, Pengurus Pembangunan Hartanah, Kapt. Azis bin Muhammad dan pegawai - pegawai PKNP.

## PKNP SERAH SUMBANGAN DI SEKITAR KEMPADANG DAN PEKAN



Sesi Penyerahan sumbangan kepada Madrasah Tahfiz Lil Banat di Kempadang, Kuantan

Kuantan, 25 September - Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) melalui Bahagian Hal Ehwal Korporat telah menyerahkan sumbangan kepada beberapa masjid, surau dan pusat tafhiz di sekitar Kempadang dan Pekan, Pahang.

Sumbangan berupa cek berjumlah RM 10,000 ini telah diserahkan oleh Pengurus Hal Ehwal Korporat, Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim. Hadir bersama Pegawai Perhubungan Awam, Puan Dhaileazafarina Md. Zabani dan Tuan Syed Rashid bin Syed Rainudin.

## PROGRAM DERMA DARAH DAN PEMERIKSAAN KESIHATAN TAHUN 2023

Kuantan, 26 September - Program Derma Darah dan Pemeriksaan Kesihatan anjuran PUSPANITA PKNP bersama Kelab Keluarga Kumpulan PKNP telah diadakan pada hari ini, 26 September 2023 di Tingkat 1, Berjaya Megamall, Kuantan bermula jam 10.00 pagi hingga 3.30 petang.

Program ini merupakan program tahunan yang dilaksanakan dengan kerjasama Unit Tabung Darah Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) dan Kuantan Medical Centre (KMC). Program ini merupakan salah satu tanggungjawab sosial PKNP untuk membantu Unit Tabung Darah HTAA dalam menyediakan platform untuk orang ramai menderma darah. Selain itu, program ini turut menggalakkan orang ramai membuat pemeriksaan kesihatan yang disediakan oleh KMC secara percuma.

Turut hadir menderma darah ialah YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif PKNP bersama Pengerusi Puspanita PKNP, YBhg. Datin Zuhaira binti Zainordin serta Presiden Kelab Keluarga Kumpulan PKNP, Encik Nasry bin Kassim.



Program tahunan anjuran bersama PUSPANITA PKNP dan Kelab Keluarga Kumpulan PKNP

Berdasarkan rekod, program pada hari ini berjaya menerima sebanyak 80 beg darah dan seramai 130 orang telah membuat pemeriksaan kesihatan.

Tahniah kepada semua yang hadir kerana berhasil melaksanakan salah satu nilai murni bagi membantu yang memerlukan.

## MISI KE GEMAPUTERA - PASUKAN DART PKNP BERSEDIA

Kuantan, 23 September - Klinik bermain dart bersama pelatih telah diadakan di tingkat 3, Kompleks Teruntum, Kuantan. Program selama sehari ini dianjurkan oleh Kelab Dart PKNP dan dihadiri oleh 8 peserta yang berminat mendalami sukan ini.

Peserta diberi tunjuk ajar cara asas bermain dart bermula cara memegang tip dart sehingga kepada teknik balingan yang betul.

Klinik ini juga bagi persediaan penganjuran dart close PKNP oleh Kelab Keluarga nanti.



Antara peserta yang diberikan tunjuk ajar secara langsung oleh Coach

# **lensaPKNP** PHOTOGRAPHY

## MISI PENDAKIAN KE GUNUNG TAPIS, SUNGAI LEMBING



## MAJLIS PENGHARGAAN KONTINJEN PERARAKAN KEMERDEKAAN



## *Didang Redaksi*

PENAUNG / PENASIHAT  
Dato' Mohd Faizal bin Jaafar

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PENYELARAS PENERBITAN  
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

KETUA EDITOR  
Encik Mohd Fahmi bin Abdul Chani

GRAFIK  
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli

JURUFOTO  
Encik Muhammad Amjad bin Mohamad Azhar